

9230

B B483 AAB  
MAHATHIR - PELAJARAN R R R

PETALING JAYA, 26 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGULANGI JANJINYA KEPADA MASYARAKAT CINA DAN INDIA BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHENTIKAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENGGUNAKAN BAHASA IBUNDA MELAINKAN ATAS PERMINTAAN KAUM-KAUM BERKENAAN SENDIRI.

+KERAJAAN TIDAK AKAN MENGHAPUSKAN SEKOLAH-SEKOLAH ITU. KITA TIDAK ADA NIAT BERBUAT DEMIKIAN SEJAK MERDEKA LAGI,+ TEGASNYA KETIKA MERASMIKAN SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DAMANSARA JAYA DI SINI.

BELIAU JUGA MENGULANGI JANJI PEMIMPIN-PEMIMPIN KERAJAAN BARU-BARU INI BAHAWA UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH BERBAHASA IBUNDA AKAN DIPINDA SEBAGAI PENEGASAN KERAJAAN TERHADAP MASA DEPAN SEKOLAH-SEKOLAH BERKENAAN.

PERDANA MENTERI BERHARAP MASYARAKAT CINA DAN INDIA TIDAK AKAN RAGU-RAGU DENGAN KEIKHLASAN KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN ISU MASA DEPAN SEKOLAH-SEKOLAH BERBAHASA IBUNDA.

BELIAU BERKATA PERANAN YANG DIMAINKAN OLEH SEKOLAH-SEKOLAH BERBAHASA IBUNDA MEMANG DIAKUI DALAM MELAHIRKAN MASYARAKAT YANG BERPELAJARAN. -- LAGI.

1604MST 26 07 86

D231

B B496 AAB  
MAHATHIR - PELAJARAN 2 PETALING JAYA R R R

KATANYA SISTEM PELAJARAN DI NEGARA INI ADALAH ANTARA YANG TERBAIK DI DUNIA KERANA IA BUKAN SAHAJA BERTUJUAN MELAHIRKAN MASYARAKAT BERPELAJARAN MALAH MELAHIRKAN RAKYAT BERBILANG KAUM YANG BERSATU PADU.

MENERUSI SISTEM PELAJARAN YANG ADA, POLARISASI KAUM DAPAT DIKIKIS, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KEJAYAAN MELAHIRKAN MASYARAKAT BERPELAJARAN SEBALIKNYA TELAH MENIMBULKAN MASALAH BESAR KEPADA KEJAYAAN MASA DEPAN RANCANGAN-RANCANGAN TANAH FELDA.

INI KERANA ANAK-ANAK PENEROKA YANG BERPELAJARAN TINGGI TIDAK MAHU LAGI MENETAP ATAU BEKERJA SEBAGAI PENEROKA SEBALIKNYA LEBIH SUKA TINGGAL DAN Mencari makan di bandar-bandar, KATANYA.

TERDAHULU SEMASA MERASMIKAN JALAN KELANG-KUALA LANGAT BERHARGA \$9 JUTA DI BANDAR KELANG, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN PERLU MEMBAIKI SISTEM LALULINTAS ANTARA SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KERANA BILANGAN KERETA YANG BERTAMBAH SETIAP TAHUN. -- LAGI.

1642MST 26 07 86

D232

B B498 AAB  
MAHATHIR - PELAJARAN 3 PETALING JAYA R R R

CONTOHNYA 100,000 BUAH KENDERAAN SEHARI MENGGUNAKAN LEBUHRAYA ANTARA KUALA LUMPUR DAN KELANG DAN PELABUHAN KELANG MENJADIKAN JALAN ITU YANG TERBIBUK DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA INDUSTRI KERETA YANG BERKEMBANG PESAT JUGA TELAH MELAHIRKAN BANYAK INDUSTRI SAMPINGAN SEPERTI BENGKEL-BENGKEL MEMBAIKI MOTOR DAN STEBEN-STEMEN MINYAK YANG MENYEDIA PEKERJAAN KEPADA RAMAI RAKYAT.

BELIAU BERHARAP RAKYAT MENGGUNAKAN DENGAN BIJAK SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI BERKATA KERAJAAN NEGERI MEMPERUNTUKKAN \$234 JUTA DAN KERAJAAN PERSEKUTUAN \$84 JUTA BAGI PEMBINAAN JALAN DAN JAMBATAN DI SELANGOR SEPANJANG RANCANGAN MALAYSIA KELIMA. -- BERNAMA.

1643MST 26 07 86